

(ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

100446947

(ABD. RAHIM BIN ISMAIL

Sm. P.I.

(JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

O

L

E

H

ABD. RAHIM BIN ISMAIL

M.7175

Penyelia:

USTAZ ABD. MONIR YAACOB

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi syarat bagi
mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam
dengan Kepujian (Sm. P.I. Hons).

JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

0.1. PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل فلولا نفر من كل فرقة منهم
طائفة ليتقوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا
اليهم لعلهم يحذرون * والصلاة والسلام على
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين *

Dengan penuh kesyukuran terhadap keizinan Allah yang telah memberikan kelapangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya petunjuk dan kelapangan merupakan pemberian dan kurniaan Allah dengan sebesar-besar nikmat kepada golongan yang mensyukurinya. Di samping itu juga saya bersyukur kepada Allah yang membuka pintu hati berbagai pihak untuk membantu saya dalam kerja-kerja untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan faedah kepada generasi kini dan terkemudian.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Ustaz Abd. Monir Yaacob kerana pandangan dan bimbingan yang telah beliau berikan sepanjang penulisan latihan

ilmiah ini. Saya tidak akan melupakan jasa-jasa baik beliau itu dan saya doakan semoga Allah memberikan rahmat dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Demikian juga dipersembahkan terima kasih yang tidak ternilai kepada emak dan ayah yang dikasihi atas dorongan dan pengurbanan yang berpanjangan sehingga kejayaan ini, kepada adik-adik yang disayangi Halimah, Yusri dan Zalie tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan atas bantuan segala-galanya, abang doakan semoga anda semua berjaya menghadapi cabaran hidup setiap masa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberikan bantuan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini dan seterusnya kepada Cik Noraida yang telah menyelenggarakan urusan menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung iaitu kepada kakitangan pejabat DYMM Sultan Kedah amnya, kepada Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Dato' Haji Shuib bin Osman dan YTM Tunku Dato' Fariduddin bin Tunku Mansur khasnya.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas kelapangan dada mereka yang membantu saya. Doa saya semoga Allah mengampun kesalahan saya, kedua ibu bapa dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Seterusnya saya memohon kemaafan dan keampunan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Fakulti Pengajian Islam amnya dan Jabatan Syariah khususnya jika terdapat kesalahan-kesalahan saya di sepanjang pengajian di Universiti ini yang rasa agak terkilan di hati.

Sekian, Wabillāh al-taufīk wa al-hidāyah wa as-salām.

Abd. Rahim Ismail,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian
Islam, UKM, Bangi.

15hb. March, 1983.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
0.1.	PRAKATA	1
0.2.	SINOPSIS.....	vii
0.3.	PENDAHULUAN.....	ix
0.4.	GLOSSARI.....	xv
0.5.	TRANSLITERASI.....	xx

BAB PERTAMA

1.1.	Latarbelakang Adat Istiadat.....	1
1.2.	Definasi Adat Istiadat.....	2
1.3.	Nilai Adat Istiadat.....	14
1.4.	Jenis-Jenis Adat Istiadat Di Semenanjung.....	21
1.5.	Adat Temenggung.....	22

BAB KEDUA

2.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum....	32
2.2.	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya.....	34
2.3.	Pengasas Adat Istiadat.....	36
2.4.	Konsep Raja.....	37
2.5.	Bidangkuasa Raja-Raja Melayu.....	40
2.6.	Pembahagian Adat Istiadat.....	46
2.6.1.	Adat Istiadat Larangan.....	48

1a.	Kain Kuning.....	48
b.	Kain Nipis.....	50
c.	Keris Berhulu Emas.....	50
d.	Membuat Rumah dan Perahu.....	51
e.	Tilam Pandak Empat Persegi.....	52
f.	Tombak Bercabang Tiga.....	52
g.	Adat Memakai Payung.....	53
2.6.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	54
a.	Adat Bahasa Raja=Raja.....	54
b.	Adat Utusan Datang dan Pergi.....	56
c.	Adat Istiadat Raja Berjalan.....	57
d.	Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli.....	58
e.	Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya.....	59
f.	Adat Istiadat Perkahwinan.....	59
g.	Adat Istiadat Pertabalan.....	64
h.	Adat Istiadat Kemangkatan.....	66
2.7.	Unsur-Unsur Asing Dalam Adat Istiadat Raja= Raja Melayu.....	70

BAB KETIGA

3.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Yang Terpakai..	78
3.1.1.	Adat Istiadat Larangan.....	78
3.1.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	82
3.2.	Penelitian dan Penganalisaan.....	104
	Kesimpulan dan Penutup.....	112
BIBLIOGRAFI.....		115
LAMPIRAN 1: HUKUM KANUN MELAKA.....		124
LAMPIRAN 2: PERATURAN ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN NEGERI KEDAH DARULAMAN.....		172
LAMPIRAN 3: GAMBAR PERALATAN ADAT ISTIADAT.....		211

0.2. SINOPSIS

Dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji telah berminat untuk membuat tinjauan mengenai keluarga Diraja khususnya mengenai adat istiadat yang mempunyai hubungan dengan Raja-Raja Melayu. Oleh itu tinjauan akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Melayu yang terdapat di dalam teks Undang-Undang Adat Temenggung sebagai suatu perbandingan dengan adat istiadat yang masih terpakai di hari ini. Pengkajian khusus akan ditumpukan di negeri Kedah. Untuk perbandingan mengenai tajuk ini secara keseluruhannya, pengkaji telah merangka dan membahagikannya kepada tiga bab.

Bab pertama akan ditumpukan kajian kepada teks-teks yang menyentuh tentang latarbelakang adat istiadat diikuti dengan definisi adat istiadat, nilai adat istiadat, jenis-jenisnya yang terdapat di Semenanjung Malaysia kemudian akan diuraikan secara ringkas mengenai Adat Temenggung kerana ia mempunyai hubungan dengan tajuk ini.

Bab kedua pula merangkumi Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum, Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya, Pengasas Adat Istiadat, Konsep Raja dan Bidangkuasa Raja-Raja Melayu. Kemudian dalam bab ini juga satu tinjauan secara khusus akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Dahulu yang terdapat dalam

Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu bahagian Adat Istiadat Larangan dan bahagian Upacara dan Peraturan Adat Istana, kemudian disentuh sedikit mengenai Pengaruh atau Unsur Asing yang terdapat dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Bab ketiga kajian ditumpukan mengenai Adat Istiadat yang masih terpakai dewasa ini, kemudian Penelitian dan Penganalisaan dibuat untuk memperbandingkan antara adat istiadat lama dan baru untuk melihat dari segi persamaan dan perbezaan antara keduanya. Seterusnya diikuti dengan Kesimpulan dan Penutup Latihan Ilmiah ini.

0.3. PENDAHULUAN

A. BIDANG KAJIAN

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan sebagai satu bidang kajian untuk memperlengkapkan unit dan juga bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam dengan kepujian. Ia juga merupakan sebagai satu bidang kajian yang umumnya adalah bertujuan untuk memperlihatkan tentang adat istiadat raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun bidang kajian mengenai tajuk ini adalah amat luas, pengkaji telah cuba menganalisa tentang adat istiadat yang agak penting dan diperturunkan dalam latihan ilmiah ini.

Jelasnya mengenai adat istiadat ini masih dikekalkan hingga sekarang ini hanya dengan sedikit pindaan di sana sini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan masa, tetapi adalah bertepatan jika dikatakan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat di Kedah khususnya dan di Malaysia umumnya yang tidak benar-benar mengetahui dengan secara mendalam tentang adat istiadat tersebut, kecuali mereka yang terlibat dan orang yang tinggal di istana sahaja. Walaupun adat istiadat yang dibincangkan dalam latihan ilmiah ini dikhususkan kajiannya kepada adat istiadat negeri Kedah tetapi pada dasarnya mempunyai persamaan juga dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan sistem adat Temenggung.

B. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji tentang peraturan-peraturan adat istiadat istana yang masih dipraktikkan di kalangan keluarga diraja di samping menilai upacara-upacara yang dilakukan. Selain daripada itu pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana adat istiadat lama masih memainkan peranan dan sejauhmana perubahan-perubahan berlaku dari masa kesemasa berhubung dengan adat istiadat tersebut serta pengaruh asing yang terdapat didalamnya.

Oleh itu pengkaji yakin dan berharap dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu tentang sejauhmana kepentingan adat istiadat ini dan semoga dapat memberi pengetahuan kepada umum walaupun ianya tergolong dalam istiadat lama.

C. METODE KAJIAN

Dalam mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan latihan ilmiah ini beberapa metode telah digunakan dan akan digunakan semasa membuat kajian seterusnya bagi melicinkan bidang kajian mengenai tajuk ini. Dengan ini kelemahan satu metode akan dapat diatasi dengan metode yang lain. Metode yang digunakan seperti berikut:

c. Pita rakaman

Dalam membuat kajian ini salahsatu metode yang digunakan ialah pita rakaman suara iaitu semasa bertemuramah dengan orang-orang tertentu dengan tujuan untuk memudahkan pengkaji mengikuti temuramah dengan lebih tepat dan jelas di samping catitan-catitan dibuat.

D. MASALAH SEMASA MEMBUAT KAJIAN

Walaupun beberapa metode kajian digunakan, namun demikian terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa kajian itu dilakukan. Ini disebabkan satu golongan masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan berlainan dari masyarakat biasa, maka terdapat beberapa peraturan-peraturan yang mesti dituruti. Di antara masalah-masalah yang terpaksa pengkaji hadapi semasa membuat kajian ialah:

a. Pengkaji agak sukar menemui mereka yang berpengaruh dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat tersebut, walaupun masa dan hari telah ditetapkan tetapi kadangkala perjanjian itu terpaksa dibatalkan kerana mereka mempunyai urusan lain yang mungkin lebih penting seperti terpaksa menghadiri mesyuarat atau lain-lain hal.

b. Selain daripada itu, pengkaji juga agak sukar untuk menemui atau mendapat kerjasama dari pihak tertentu untuk meminjam buku-buku, mendapat kebenaran untuk mengkaji berhubung dengan tajuk di atas dan sebagainya. Pengkaji terlebih dahulu dikehendaki menyelesaikan urusan surat menyurat bagi mendapat kebenaran resmi dari pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang terletak di Wisma Negeri, Alor Star, Kedah.

c. Masalah juga timbul dari segi jarak jauh di antara tempat tinggal pengkaji untuk menemui mereka yang terlibat di mana, ini merupakan satu kesukaran walaupun pengkaji berasal dari negeri Kedah tetapi disebabkan pengkaji menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi jarak perjalanan antara Selangor dan Kedah adalah merumitkan di mana memerlukan masa yang sesuai untuk pulang, pelajaran tergendala dan sedikit sebanyak melibatkan kedudukan kewangan.

d. Mengenai bahan-bahan bacaan pula pengkaji tidak dapat mengumpulkan dengan selengkapnya di perpustakaan UKM, jadi pengkaji terpaksa berulang-alik dari tempat-tempat lain seperti perpustakaan-perpustakaan awam, Dewan Bahasa, Arkib Negara, Musium dan lain-lain tempat yang dapat memberi bantuan kepada pengkaji dalam hal ini.

Seperkara lagi berhubung dengan bahan bacaan ini, di mana tajuk kajian di atas adalah merupakan satu tajuk yang mempunyai hubungan dengan Undang-Undang Melayu Lama seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang 99 dan Undang-Undang Pahang di mana teks-teks asalnya adalah bertulisan jawi dan menggunakan bahasa lama yang ejaannya berlainan dengan apa yang didapati sekarang ini, kadang-kadang tidak didapati perenggan-perenggan dan susunan ayatnya juga tidak begitu teratur, sukar untuk difahami dan terpaksa menggunakan masa yang agak panjang untuk meneliti isi kandungannya.

0.4. GLOSSARI

Anugerah	- kurnia
Astaka	- Balai dalam istana.
Baginda	- Yang berbahagia (gelaran bagi sultan).
Bangsi	- Serunai.
Benian	- Peti.
Bentara	- Pesuruh raja (yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).
Beradu	- Tidur, berehat.
Berandam	- Memepat rambut di atas dahi, memepat janggut.
Berangkat	- Bertolak.
Bercemar	- Bercampur dengan orang yang lebih hina, mengotorkan.
Berlangir	- Membersihkan rambut dengan bermacam wangi-wangian.
Beta	- Saya (digunakan oleh raja-raja atau orang-orang yang berpangkat).
Biti-Biti	- Hamba perempuan di istana.
Celempung	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang memakai dawai seperti kecapi, sejenis alat-alat bunyi-bunyian seperti gong kecil.
Ceper	- Dulang, piring.
Ceracap	- Alat bunyi-bunyian seperti canang kecil atau buluh yang dihantuk-hantukkan.

Cokmar	- Sejenis pemukul dari logam yang dibawa dalam upacara-upacara tertentu.
Daulat	- Bahagia, kuasa (pada raja-raja yang memerintah).
Dian	- Lilin, pelita.
Gendir	- alat bunyi-bunyian gamelan.
Gering	- Sakit (untuk raja-raja).
Giring	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Gocoh	- Tumbuk, tinju.
Kain Cempa	- iaitu kain yang berasal dari Cempa, Indocina yang ditenun dengan halus dan indah.
Kain dukung	- kain pengendong atau pengambin (anak)
Kajangi	- anyam.
Kelekan	- Serambi.
Kendi	- Sejenis bekas air yang bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat daripada tembikar atau tin).
Kerikal	- Pinggan besar atau talam yang berkaki (dibuat daripada logam dan lain-lain).
Ketor	- Tempat Ludah.
Khasa(h)	- Kain yang halus nipis dan jarang-jarang tenun-annya.
Kopak	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Kurnia	- Anugerah, pemberian.
Kweng	- Ketua kampung.

- Makam - Kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan dan lain-lain).
- Mamak - Sebutan oleh raja kepada pembesar-pembesar negeri (menteri dan lain-lain), bapa saudara.
- Manakan - bapa kepada kemanakan.
- Mangkat - Baginda meninggal (digunakan untuk raja), mati.
- Murka - Marah, meradang.
- Nafiri - Sejenis serunai (trompet) panjang.
- Nagara - Sejenis gendang besar - nakara.
- Nasi adap-adapan - Nasi bercampur pulut dan sebagainya dihidangkan untuk pengantin baru.
- Nobat - ialah salah satu dari alat bunyi-bunyian Parsi termasuk juga didalamnya muri, dandi, serunai, kecapi, rebana dan lain-lain.
- Pacal - Hamba kepada raja.
- Pakan - Benang tenunan yang melintang.
- Panca - Logam campuran lima jenis.
- Panca persada - Tempat tinggi yang bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besar dan lain-lain).
- Pandak - Pendek.
- Patik - Hamba, saya (sewaktu bercakap dengan raja).
- Penduk - Penyalut pada sarung keris dari emas, perak dan lain-lain.

Penomah	- Raja - pemberian kepada bakal mentua.
Permanjungan	- Bahagian rumah yang ditinggikan disisi atau di tengah rumah.
Peterana	- Sejenis tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja mempelai dan lain-lain).
Puaidai	- Sejenis hamparan dari kain, untuk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dan lain-lain).
Puan	- Tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sebagai tanda kekuasaan raja.
Rana Sekati	- Nama sejenis bunyi-bunyian.
Sabda	- Kata-kata (nabi, raja, orang-orang besar), titah.
Santap	- makan, minum.
Selukat	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada logam.
Semayam	- Duduk di atas takhta atau singgahsana.
Sida-sida	- Pegawai dalam istana (mungkin sj pendeta), pegawai dalam istana yang telah dikasi (dikembiri).
Singgahsana	- Kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam).
Siram	- Mandi.
Suling	- Sejenis serunai, bangsi, salong, seruling.
Tabal	- Majlis merasmikan penobatan atau kemahkotaan raja.

- Terterapan - Sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata.
- Tetampan - Selampai dari kain sutera kuning yang (disibai-kan kebahu ketika menghadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja).
- Titah - Kata raja, perintah.
- Tutuh - Memotong dahan atau cabang kayu.
- Wali - Sejenis kain kuning yang disampaikan di bahu pegawai istana yang membawa alat kerajaan.

0.5. TRANSLITERASI

Bagi Perkataan-perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	d =	ض
b =	ب	t =	ط
t =	ت	z =	ظ
th =	ث	c =	ع
j =	ج	gh =	غ
h =	ح	f =	ف
kh =	خ	q =	ق
d =	د	k =	ك
dh =	ذ	l =	ل
r =	ر	m =	م
z =	ز	n =	ن
s =	ص	h =	ه
sh =	ش	w =	و
s =	ص	y =	ي
		,	ة
dammah + waw = ū		fathah	= a
Fathah + yā' = ai		kasrah	= i
fathah + waw = au		dammah	= u
		fathah + alif	= ā
		kasrah + yā'	= ī

1.1 LATARBELAKANG ADAT ISTIADAT

Adat merupakan satu sistem yang menjadi kepastian tentang wujudnya di kalangan setiap masyarakat yang menjalani kehidupan di muka bumi ini. Dalam hal ini ia akan dapat memberi faedah yang besar jika dihuraikan untuk menjadi tatapan individu atau masyarakat yang meminati dan ingin mengetahui tentang adat sukubangsanya. Mengikut apa yang diberikan oleh Tun Seri Lanang dalam memetik titah yang dipertuan Hilir, Sultan Abdullah Ma^Cayah Shah iaitu:

"Bahawa beta minta perbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan Istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, shahdan beroleh faedahlah ia daripadanya."¹

Dari petikan di atas kita dapat membuat satu rumusan bahawa ia merupakan satu perintah untuk mencatatkan tentang peraturan-peraturan raja-raja Melayu demi untuk kepentingan dan pengetahuan generasi yang terkemudian yang agak kurang pengetahuan mengenainya.

¹W.G. Shellabear, Sejarah Melayu (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977), hal.3.

Dengan menganalisa pengertian adat istiadat nanti akan dapat memberikan kita suatu sinopsis yang agak bertepatan di mana penerusan pemakaian adat istiadat itu selalunya tidak diikuti dengan sepenuhnya, walau bagaimanapun masyarakat Melayu sekarang ini boleh dikatakan, mereka lebih suka setengah-setengah adat yang tidak bersesuaian dengan zaman moden diubahsuai atau dihapuskan. Dengan kedudukan inilah yang akan kita lihat kemudian nanti tentang faktor pengaruh asing terutamanya pengaruh Hindu telah diterapkan kedalam adat istiadat tempatan.

1.2. DEFINASI ADAT ISTIADAT

Adat istiadat pada keseluruhannya adalah merupakan suatu bidang yang agak luas iaitu meliputi segala rupa jenis upacara-upacara yang dijalankan oleh sesuatu kelompok manusia. Ia juga adalah dianggap sebagai sebahagian dari cabang kebudayaan. Kebudayaan sepertimana yang diberikan oleh Taylor iaitu meliputi keseluruhan corak hidup yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat istiadat dan lain-lain biasanya diamalkan oleh manusia sebagai sifat anggota masyarakat.¹

¹Sills L. David, International Encyclopedia of The social Sciences, Vol. 11 (America, The Mac Millan Company and The Free Press, 1968), hal. 527.

Perkataan adat istiadat adalah berasal dari kalimah "^Cadat" yang merupakan kata ambilan dari bahasa Arab, pada umumnya bermakna kelakuan yang betul, ia biasanya digunakan untuk berbagai perkara yang berhubung dengan perlakuan sesuatu masyarakat yang betul. Ia akan menggariskan peraturan-peraturan adat, budibahasa dan upacara-upacara untuk sesuatu peristiwa seperti perkahwinan dan juga adat yang mempunyai kesan dari segi undang-undang (legal consequences).¹

Adat juga bertujuan untuk mencipta satu masyarakat yang teratur bagi memenuhi syarat keamanan dan keadilan setiap anggota masyarakat. Untuk pemahaman selengkapnya terhadap kenyataan ini perlulah kita memahami tentang adat itu sendiri yang harus diteliti melalui kemahiran bahasa dan juga falsafah hidup sesuatu suku masyarakat bangsa itu sendiri.²

Walaupun adat bagi setiap suku bangsa itu mempunyai berbagai ragam, corak dan cara perlaksanaannya tetapi objektifnya adalah

¹David C. Baxbaum, Family Law and Customary Law In Asia (Martinus Nijhoff, The Hague, 1968), hal. 17.

²Dr. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal.3.

satu iaitu untuk membentuk satu sistem kemasyarakatan yang adil dan teratur dalam setiap suku bangsa tersebut.¹ Para Fugaha² mentakrifkan ^Cadat sebagai perkara yang diulang-ulang tanpa perkaitan dari segi akal.² Maksud "perkara" seperti yang terdapat di dalam takrif di atas iaitu merangkumi perkataan dan perbuatan yang diulang-ulang, iaitu mereka melakukannya berulang kali. Oleh itu perbuatan yang dilakukan tanpa ulangan tidak dinamakan ^Cadat. ^CAdat juga boleh diertikan sebagai suatu perkara yang telah menjadi kebiasaan orang ramai atau segolongan mereka.³

Umumnya adat merangkumi kesusilaan dalam masyarakat. Ia didasarkan kepada perbuatan atau tingkahlaku dan cara hidup manusia dalam masyarakat itu. Sungguhpun begitu perlu dilihat kepada beberapa definasi yang dibuat oleh beberapa orang sarjana iaitu:

Menurut A.J.N. Richards, adat boleh dimaksudkan sebagai undang-undang, kebiasaan atau tingkahlaku individu dan masyarakat.⁴

¹ Ibid, hal.3.

² Ahmad Abu Sunnah, Madkhal al-Fiqh al-Islami, cet. ke 2 (Jami^Cah al-Azhar: Dār al-Fikri al-^CArabi, 1965), hal.172.

³ Sobhi Mahmasani, Falsafah al-Tasyri^C fi al-Islām (Beirut: Dār al-^CIlmi Li al-Malayēn, 1961), hal.236.

⁴ A.J.N. Richard, Sarawak Land Law and Adat, 1961, hal.16.

Surojo mentakrifkan adat adalah merupakan pencerminan daripada keperibadian sesuatu bangsa merupakan salah satu penjelmaan daripada jiwa yang bersangkutan dari abad ke abad. Oleh kerana itu setiap bangsa di dunia ini mempunyai adat kebiasaan mereka sendiri yang mana di antara satu sama lain mempunyai perbezaan. Oleh kerana perbezaan inilah dapat dikatakan bahawa adat itu merupakan unsur yang terpenting dapat memberikan nilai kepada bangsa yang bersangkutan.¹

Menurut Hj. Mohd. Din bin Ali, adat adalah merupakan institusi dalam undang-undang dan kebiasaan mengatur sosial, politik dan corak perlembagaan bagi pemerintah hari itu. Undang-undang itu adalah melahirkan pepatah yang sangat lama dan bernilai.²

M.B. Hooker menyatakan istilah adat boleh dirujuk kepada perkara-perkara berikut:

1. Tatasusila dan peraturan.
2. Kelakuan yang betul.
3. Kelaziman, misalnya matahari tenggelam di sebelah barat.

¹Dr. Abdullah Siddik, hal.4.

²Haji Mohd. Din bin Ali, Malay Family Customary Law, Intisari, vol. 11, no. 2, hal.34.

4. Undang-undang iaitu satu peraturan.
5. Undang-undang, dari segi konsep undang-undang itu sendiri iaitu undang-undang adat dan ugama saling berkait antara satu sama lain.¹

Dr. Van Dijk pula mendefinasikan adat adalah merupakan semua kesusilaan dan kebiasaan di semua peringkat lapangan hidup.² Menurut definasi yang diberikan oleh orang Minangkabau pula adat ialah akal muslihat, daya upaya yang berjalin-jalin menjadi undang-undang dan peraturan, berwujud supaya anggota masyarakat ramai dalam menjalankan tujuan dan tugas masing-masing jangan kehendaknya rugi merugikan.³

Dengan demikian nyatalah bahawa adat itu membawa maksud suatu sistem kesusilaan dan kehidupan dalam masyarakat. Hal ini ditegaskan oleh Abdullah Siddik bahawa:

"Adat membawa pengertian semua kesusilaan dan kebiasaan dalam semua lapangan hidup yang meliputi semua peraturan tentang

¹ M.B. Hooker, The Personal Law of Malaysia (Kuala Lumpur : Oxford University Press, London, New York, Melbourne, 1976), h.62.

² Dr. Abdullah Siddik, hal.3.

³ A.M. Datuk Maruhun Batuah dan Datuk H.Baqindo Tanameh, Hukum Adat dan Adat Minangkabau (Jakarta: N.V. Poesaka Aseli), h.8.

tingkahlaku seseorang menurut kebiasaan.
Lebih tepat adat adalah regapan kesusilaan
dalam sesuatu masyarakat."¹

Bagi orang tua-tua adat dimaksudkan sebagai suatu kebiasaan
hasil dari sesuatu perbuatan yang diulang-ulang dan telah diterima
oleh masyarakat sebagai satu peraturan hidup yang mesti dipatuhi.
Adat itu seperti:

Berlukis berlembaga,
berturas bertauladan,
bersesap berjerami,
bertunggul berpemaranan.²

Iaitu adat yang sebenarnya adat sebagai berlembaga berling-
kungan undang-undang berkelantasan yang bermaksud bernegara dan
berkerajaan sendiri, beradat dan berlembaga sendiri, berugama dan
berkebudayaan sendiri. Walaupun begitu adat tidaklah begitu ketat
dalam kontek pematuhan terhadapnya kerana ia tertakluk kepada kea-
daan masa dan tidaklah tetap kaedahnya.

Sumbing-sumbing dititik,
pateh-pateh dikimpal,
rimbun-rimbun ditutuh,³
buruk-buruk dibaharui.

¹Dr. Abdullah Siddik, hal.3.

²H.M. Sidin, Asal-Usul Adat Resam Melayu (Kuala Lumpur:
Pustaka Antara, 1964), hal. 6.

³Ibid, hal. 7.

Jelaslah kepada kita bahawa adat itu merupakan resapan ke-susilaan yang merangkumi tingkahlaku dan kebiasaan dalam sesuatu masyarakat dan kedudukannya tidaklah terlalu ketat, malah boleh menerima perubahan bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang mengamalkannya.

Adat dapat juga didefinisikan mengikut bahasa sebagai kebiasaan, tetapi dari segi istilah adalah perlu dilihat kepada beberapa pendapat sarjana yang lain mengenainya. Dr. Teuku Iskandar memberi maksud adat adalah peraturan yang lazim dipakai semenjak dahulu lagi atau cara yang mudah menjadi kebiasaan seperti api itu panas.¹ Manakala A.S. Hornby memberikan, adat adalah sebagai tingkahlaku atau perbuatan yang umumnya dipersetujui oleh kumpulan sosial samada dari kumpulan kecil atau kumpulan besar.²

Menurut seorang sarjana Islam Syeikh ^CAbdul Wahab Khallāf mentakrifkan ^Cadat sebagai sesuatu yang sama-sama diketahui oleh manusia dan mereka berusaha bersama untuk mendapatkannya dengan

¹Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, cet. 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1970), hal.5. Lihat juga Sidi Gazalba, Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu (Kuala Lumpur; Pustaka Antara, 1967), hal. 296.

²A.S.Hornby et al, The Advanced Learners Dictionary of Current English (Oxford University Press, 1969), hal.241.

segera samada dari perkataan atau tindakan untuk meninggalkannya. Beliau membahagikan ^Cadat kepada dua bahagian iaitu:

Pertama: Adat secara tingkahlaku misalnya seperti manusia mengetahui bahawa jualan ialah dengan adanya serah menyerah dan tidak lagi memerlukan ucapan jualbeli.

Kedua: ^CAdat secara perkataan seperti manusia sama-sama mengetahui bahawa perkataan bapa digunakan untuk lelaki bukan untuk perempuan.¹

Selain dari itu ^Cadat juga jika dilihat dari segi bahasa Arab ia diambil dari perkataan al-^Caud (العود) atau al-mu^Cawadah (المعاودة) yang bererti ulangan, iaitu merupakan suatu nama yang menunjukkan pengulangan perbuatan hingga menjadi suatu perkara mudah dan menjadi tabiatnya yang sebenar.²

Menurut Osman Ishak pula, beliau menyatakan bahawa adat adalah dianggap oleh orang Melayu sebagai cara hidup yang natural dan mempunyai kuasa mengikat di mana organisasi suku biasanya di-

¹ Abdul Wahab Khallāf, Ilmu Usul Fiqh (Mesir, 1970), h. 89.

² Mustafa Ahmad az-Zarqā', al-Madkhal al-Fiqh al-^CAm, J.2 (Damsyik, 1968), hal. 838.

atur bagi memenuhi keperluan-keperluan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Ringkasnya struktur sosial masyarakat purba adalah pada mulanya berdasarkan kepada adat terlebih dahulu dari yang lain-lainnya. Meskipun demikian terdapat juga titik tolak antara adat dan hukum Islam yang berkembang luas di Semenanjung Malaysia, ini dapat dilihat kepada kata perbilangan:

Pada adat,
menghilangkan yang buruk,
menimbulkan yang baik,
kata syara^c,
menyuruhkan berbuat baik,
menegahkan berbuat jahat,
adat bersendikan hukum,
hukum bersendikan kitabullah,
adat kehukum mati hukum,¹
hukum ke adat mati adat.

M.B. Hooker menambah keputusan berdasarkan adat tiga perkara
iaitu:²

- i) Adat clear as the triangular rush in a rice-field.
- ii) Adat strong and round as a pillar, where men agree.
- iii) Adat laid down in₃god's book, the ~~law~~ of the Quran.

¹Osman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1979), hal.90.

²G.W.Bartholomew, Malaya Law Review Legal Essays (Faculty of Law, University of Singapore, 1972), hal.175.

- iii) Adat laid down in¹ god's book, the law of the Quran.

Prof. Ahmad Ibrahim menyatakan, mana-mana adat yang dianggap baik, berfaedah dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diterima dan dijadikan amalan oleh orang-orang Islam. Dengan cara ini adat dapat diserapkan kedalam undang-undang Islam.² Cara menyelesaikan perselisihan yang timbul antara undang-undang Islam dan undang-undang Adat adalah seperti berikut:

- Pertama; Adat hanya dikira jika didapati ianya diamalkan berterusan.
- Kedua ; Jika terjadi perselisihan antara adat dan hukum syara^C, maka adat boleh diikuti jika tidak terdapat hukum syara^C yang jelas.
- Ketiga ; Jika terdapat perselisihan antara adat dan hukum syara^C yang jelas dan tepat, maka hukum syara^C diikuti.
- Keempat; Adat boleh diamalkan jika terdapat syarat-syarat hukum syara^C dalam bentuk^C am sahaja tidak dijelaskan dengan tepat.

¹ Adat mensiang iaitu terjali,
Adat tiang iaitu adat berkebulatan,
Adat kitabullah iaitu hukum Quran.

² Prof. Ahmad Ibrahim, Kearah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia, Masalah dan Kemungkinan, Kumpulan Kertas Kerja Seminar Perundangan Islam UKM, Bangi pada 8 - 10 Ogos 1981, hal.1-2.

Kelima ; Jika berlaku pertelingkahan antara adat ^Cam dan adat khas, maka adat khas itu hanya sah jika ia tidak ter-sekat amalannya.¹

Adat juga merupakan suatu peraturan yang lazim digunakan sejak dahulukala yang sudah menjadi kebiasaan hingga kehari ini. Ia hendaklah tidak berlawanan dengan hukum syara^C, di samping itu biasanya ia diterima dan dipersetujui oleh anggota-anggota kumpulan sosial itu seluruhnya. Oleh itu pada keseluruhannya adat adalah sebagai peraturan dan cara hidup sesuatu masyarakat serta berkembang mengikut keadaan perkembangan masyarakat itu sendiri, sebaliknya masyarakat pula berkembang mengikut keadaan alam sekeliling. Sementara istiadat pula adalah merupakan suatu cara dan peraturan-peraturan hidup yang dipusakai dari nenek moyang sesuatu masyarakat yang diperturunkan dari golongan tua kepada golongan muda dengan berbagai cara.²

Satu istilah lain yang dikenali dalam bahasa Arab iaitu al-^Curf (المرف) - mengetahui. Jurjani berpendapat bahawa ^Curf

¹As-Sayuti, al-Asybah wa al-Nazair fi qawaid wa furu^C Fiqh al-Shafi^Ciah (Dar inya^C al-Kutub al-^CArabiah ^CIsa al-Babi al-Halabi Wa Syurakahu, 1938), h. 101-105.

²Syed Alwi al-Hadi, Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1980), hal. 10.

ialah sesuatu perbuatan atau kepercayaan yang teguh di samping ada persesuaian dengan daya fikiran serta dapat diterima dengan baik oleh naluri dan tabiat semulajadi manusia.¹

Jelasnya ^Curf itu dimaksudkan, setiap perkara yang tetap dalam jiwa manusia dan dirasakan sesuai kemudian dilakukan berulang kali berpunca dari perkara yang dianggap baik oleh akal fikiran serta orang yang mempunyai kerasionalan fikirannya tidak akan mengingkarinya. Oleh itu ^Curf merangkumi perkataan dan perbuatan.

Kenyataan di atas dapat dilihat melalui pendapat Dr. Muhammad Salam Madkur bahawa al-^Curf merupakan sesuatu yang tetap pada diri seseorang, sesuatu yang menjadi kebiasaan, perlakuan yang tersebut itu diterima oleh suasana tabiat yang sejahtera samada ianya merupakan perbuatan atau perkataan yang tidak bertentangan dengan nas atau ijmak.²

Dari beberapa hujjah di atas dapat difahamkan bahawa al-^Curf itu juga adalah merupakan sebahagian daripada adat. Di sini kita dapat merumuskan bahawa kedua-duanya adalah berasaskan akal fikiran

¹Al-Jurjani, Kitāb al-Ta^Crifat (Kaherah, 1382), hal.154.
Lihat juga Mustafa Ahmad az-Zarqā', hal. 840.

²Dr. Muhammad Salam Madkūr, Al-Ta^Crifāt al-Syarī^Cah al-Islā-miah, Madkhal al-Fiqh al-Islāmiah (Kaherah, 1964), hal. 191.

yang diamlakan berulang-ulang dan diterima oleh masyarakat. Menurut Encyclopedia Islam pula menyatakan, perkataan adat dan 'urf mempunyai maksud yang sama tetapi penggunaannya berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain tambahan pula pemerintah Islam seringkali mengadakan peraturan pentadbiran yang berkaitan dengan undang-undang di Parsi dipanggil 'urf dan di Turki dipanggil kanun.¹

1.3. NILAI ADAT ISTIADAT

Seterusnya harus kita buat tinjauan sedikit mengenai adat itu dari segi nilainya. Sesuatu masyarakat itu harus dikaji dalam kontek masyarakat itu sendiri. Masyarakat bertindak mengikut kehendak-kehendak dan keperluan mereka. Penggerak kepada tindakan mereka itu adalah nilai samada fikiran, tanggapan dan konsep terhadap sesuatu yang dikatakan "level of mind".² Tujuan adat adalah kebaikan - adat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Adat berguna kerana ia membawa ketenteraman dalam masyarakat - Adat sentosa dalam negeri.³

¹ H.A.R. Gibb, J.H. Kramers, E. Levi-Provencal, J. Schacht, Encyclopedia of Islam, J. I (Leiden, E.J. Brill. London Luzac & Co., 1960), hal. 170.

² J. Beattie, Other Cultures (London: Cohen and West, 1964), hal. 37.

³ Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1976), hal. 3.

Menurut Dr. Nordin Selat bahawa peraturan-peraturan terbahagi kepada dua iaitu yang fundamental (asasi) dan yang tidak fundamental (tidak asasi). Adat bila dikatakan tidak beku dan menerima perubahan - sekali air bah, sekali pantai berubah - adalah merupakan tidak asasi. Contohnya seperti upacara nikah kahwin, pada masa dahulu memakai baju Melayu, sekarang memakai tali leher dan kot, kelaziman pada masa dahulu menumbuk di lesung, sekarang menggunakan, mesin, sikap pada masa dahulu anak perempuan ke dapur tetapi sekarang ke pejabat. Menurut beliau lagi adat yang beginilah diterima oleh Adat Perpatih kerana tidak memberi apa-apa kesan pada adat itu disebabkan kata perbilangan:

Usang-usang diperbaharui,
lapuk-lapuk dikajangi,
yang elok dipakai,
yang buruk dibuang,

kalau disingkat minta disambung,
kalau panjang minta dikerat,¹
kalau koyak minta ditampal.

Walau pun begitu menurut beliau peraturan-peraturan yang asasi samasekali tidak boleh diubah seperti kata perbilangan "tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan." Contohnya seperti hidup

¹Ibid, hal. 4.

bersuku, mengira keturunan dari nasab ibu, sistem tanah pesaka, ini merupakan sebagai asas (foundation) pada adat itu. Peraturan-peraturan asasi inilah yang dimaksudkan oleh Adat Perpatih:

Dari nenek turun ke mamak,
dari mamak kemanakan,
patah tumbuh hilang berganti,
pesaka begitu jua,
adat dipakai baru,¹
kain dipakai usang.¹

Menyentuh soal nilai adat istiadat ini kalau kita tinjau kembali titah yang dikeluarkan oleh sultan Abdullah Ma^Cayah Syah iaitu:

"Bahawa beta minta perbuatkan hikayat pada bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala Raja-Raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan berolgh faedahlah ia daripadanya."²

Dari petikan di atas kita dapat melihat betapa pentingnya nilai adat istiadat itu di mana Sultan Abdullah sendiri telah

¹Ibid, hal.4

²W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, hal.3

memerintahkan supaya dibuat catitan mengenai adat istiadat untuk ditatapi oleh generasi terkemudian. Dari petikan ini juga kita dapati bahawa adat itu mempunyai nilainya yang tersendiri untuk segenap lapisan masyarakat demi kebaikan mereka dalam kontek adat itu sendiri.

Menurut Abdullah Siddik, adat istiadat adalah merupakan adat dalam pengertian upacara sahaja iaitu tatatertib yang berlaku pada zaman raja-raja seperti upacara penobatan, penerimaan dan pemakaman raja-raja.¹ Oleh itu adat istiadat merupakan pemakaian resmi bagi sesuatu upacara secara tertib yang seolah-olah mencerminkan suatu bentuk adat lembaga kerajaan beraja.

Menurut Yusuf Iskandar pula menyatakan bahawa hal ini meliputi segala pantang larang yang dikenakan ke atas pemerintah dan rakyat biasa. Ia juga meliputi kebiasaan-kebiasaan walaupun mungkin mengambil bentuk "way of life" yang resmi diambil dan dilahirkan oleh raja-raja, putera-putera raja, pembesar-pembesar dan pentadbir-pentadbir, upacara resmi yang berhubung dengan sambutan-sambutan hari kebesaran, upacara-upacara agama, upacara pertabalan raja-raja, upacara perkahwinan, upacara menyambut tetamu dan lain-lain.² Dengan

¹ Abdullah Siddik, hal. 10.

² Yusuf Iskandar, Sejarah Melayu dan Adat Istiadat, Dewan Bahasa, Jil. 21, bil. 10, Oktober, 1977, hal. 655.

ini jelaslah kepada kita bahawa perbincangan seterusnya memberi makna yang besar bahawa adat istiadat itu bertolak pada himpunan pantang larang, kebiasaan-kebiasaan dan upacara-upacara yang menonjolkan adat istiadat istana khususnya.

Sebagai contoh yang baik perlu ditinjau Sejarah Melayu di mana sebahagian besarnya menceritakan adat istiadat raja-raja Melayu yang memperinci dan menekankan corak adat istiadat Melaka. Sebab penetapan adat istiadat yang masih diteruskan hingga ke abad dua puluh ini adalah berasaskan adat istiadat Raja-raja Melaka.¹ Kenyataan ini menunjukkan bahawa sistem atau cara adat istiadat yang diamalkan di istana pada hari ini khususnya dalam beberapa upacara seperti perkahwinan, pertabalan dan sebagainya adalah lanjutan dari adat istiadat Raja Melaka. Sungguhpun begitu amalan pada hari ini tidaklah diikuti dengan sepenuhnya seperti asal kerana telah ada bahagian-bahagiannya yang tertentu telah diubahsuai atau dibuang terus dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan dan masa.

Di sini dapat disimpulkan bahawa adat istiadat dapat dianggap

6

¹Ya^C akub Isa, Sejarah Melayu Ditinjau Dari Beberapa Aspek, Dewan Bahasa, Jil. 13, bil. 2. November, 1969, hal. 509.

sebagai suatu upacara yang dilakukan oleh gerak laku manusia yang terlibat didalamnya. Penglibatan manusia dalam geraklaku mereka untuk mewujudkan adat istiadat itu adalah memakan masa yang lama,¹ serta menjadi satu tradisi yang dipraktikkan dari satu jenerasi ke jenerasi yang lain. Adat istiadat juga dipercayai berkembang misalnya adat istiadat orang Melayu adalah berubah bersama dengan pemikiran orang-orang yang mempraktikkannya. Jadi ia berubah mengikut nilai-nilai baru yang ada di dalam sesuatu masyarakat itu dan mengikut zamannya. Oleh itu sesuatu adat istiadat adalah menjadi garis panduan hidup bagi ahli-ahli masyarakat dan dikehendaki patuh terhadap adat istiadat yang telah ada sejak turun temurun.

Walau bagaimana pun dewasa ini dengan adanya unsur-unsur perubahan yang merupakan nilai-nilai baru, maka sesuatu mengalami perubahan misalnya terdapat bentuk-bentuk adat istiadat yang diasimilasikan dalam adat istiadat sesuatu kaum atau kelompok hingga kelompok itu sendiri tidak menyedari bahawa apa yang dipraktikkan itu merupakan "ambilan" dari budaya masyarakat lain. Faktor-faktor tersebut lebih tidak dirasakan lagi oleh jenerasi terkemudian. Jadi dalam hal ini adalah perlu ditimbulkan kesedaran di kalangan golongan tertentu untuk menghidup serta mengekalkan adat istiadat yang

¹Syed Alwi al-Hadi, hal. 10.

telah dipraktikkan.

Di antara golongan yang dianggap telah timbul kesadaran untuk mengekalkan adat istiadat mereka sejak turun temurun terdiri dari golongan diraja. Selain daripada bertujuan untuk menghidupkan kembali adat istiadat tersebut golongan ini juga bertujuan untuk meneruskan tradisi lama yang dapat melambangkan sebagai kebesaran golongan mereka. Seterusnya dengan adat istiadat yang mereka praktikkan juga dapat menimbulkan perbezaan di antara golongan mereka dengan golongan rakyat jelata.

Walaupun bagaimanapun adat yang dipraktikkan oleh golongan raja ini sebahagiannya ada juga dipraktikkan oleh masyarakat biasa misalnya adat istiadat perkahwinan, kematian, bertindik dan berkhatan tetapi apa yang membezakan di antara dua golongan tersebut ialah dari segi cara dan peralatan yang digunakan termasuk perbelanjaan serta aspek-aspek yang lain.

Umumnya keseluruhan adat istiadat diraja itu mempunyai persamaan pada maksud dan tujuan di sisi mereka yang terlibat tetapi terdapat beberapa perbezaan yang jelas dari beberapa segi terutamanya di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Perbezaan yang timbul ialah dari segi cara, pakaian, peraturan, penyusunan,

kepercayaan dan pantang larang. Misalnya mengenai adat istiadat menjunjung duli jelas kelihatan kelainannya dalam beberapa segi di antara negeri Perak, Kedah, Selangor dan Pahang. Oleh itu bersesuaianlah dengan pepatah mengatakan "lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya"¹ yang membawa maksud lain negeri lain adat lembaganya.

1.4. JENIS-JENIS ADAT ISTIADAT DI SEMENANJUNG.

Secara umumnya terdapat dua jenis adat terbesar yang masih terpakai di negeri-negeri di Semenanjung iaitu:

Pertama ; Adat Temenggung

Kedua ; Adat Perpatih.

Kedua-dua jenis adat yang terdapat di atas adalah berasal dari Indonesia iaitu bahagian Pulau Sumatra, daerah Minangkabau dan Palembang.² Di Semenanjung Malaysia Adat Perpatih diamalkan di Negeri Sembilan iaitu daerah-daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu, Seremban dan di beberapa kawasan negeri Melaka seperti kawasan Naning dan Alor Gajah. Sementara Adat Temenggung pula diamalkan di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang,

¹Dr. Nordin Selat, hal. 14.

²Dr. Abdullah Siddik, hal. 109.

Terengganu dan Kelantan.¹

Adat Perpatih masih banyak yang tidak tertulis hanya didapati sedikit sahaja yang dicatatkan seperti dalam kumpulan adat dari Sungai Ujung, Kumpulan Undang-Undang Minangkabau dari Perak dan satu lagi dari Kuala Pilah. Manakala Adat Temenggung pula boleh didapati dalam teks-teks Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan dari Perak, Undang-Undang Johor, Kumpulan Undang-Undang Kedah, Kumpulan Undang-Undang Selangor dan Pahang.²

Bentuk tulisan yang menyeluruh mengenai Adat Temenggung belum didapati selain daripada sedikit keterangan berkenaan soal mewarisi tanah di Perak, Pahang dan Selangor yang berikan oleh E.N. Taylor dan W.E. Maxwell.³

1.5. ADAT TEMENGGUNG

Mengikut apa yang telah diterangkan sebelum ini bahawa Adat Temenggung adalah diamalkan di negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Sementara

¹Haji Mohd. Din bin Ali, hal. 34.

²Abdullah Siddik, hal. 109.

³Ibid, hal. 110.

Adat Perpatih pula diamalkan di Negeri Sembilan dan di daerah-daerah Melaka iaitu kawasan Naning dan Alor Gajah. Kedua-dua adat ini berasal dari Indonesia iaitu bahagian Pulau Sumatra daerah Minangkabau dan Palembang.

Pemerintahan Adat Temenggung adalah bercorak autokrasi¹ dengan perkembangan masyarakat kearah bilateral atau parental.² Istilah lain yang termasuk dalam istilah Adat Temenggung seperti Adat Kampung, Adat Melayu, Adat Mukim dan Adat Ketua.³ Menurut M.B. Hooker beliau menyatakan:

"If, therefore, Malay law is studied in the light of Malay History, we can easily understand why the Adat Temenggong (as the old Palembang jurisprudence is called) should cover so many important states and yet compare so unfavourably with the Adat Perpatih of the humble villages of the Negeri Sembilan."⁴

¹Autokrasi - pemerintahan yang tidak mempunyai had kekuasaannya. Bilateral atau parental - kesatuan kekeluargaan yang lebih besar seperti suku atau tribe.

²Abdullah Siddik, hal. 159.

³M.B. Hooker, The Interaction of Legislation and customary Law in a Malay State, AJCL, vol. 16, no. 3, hal. 429.

⁴M.B. Hooker, Reading in Malay Adat Law (Singapore, 1970), hal. 31.

Ringkasnya beliau menyatakan perbezaan di antara Adat Temenggung yang merupakan sebagai sumber perundangan lama Palembang dengan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Abdullah Siddik pula menyatakan, kebanyakan Adat Temenggung yang telah ditulis adalah berada dalam keadaan yang tidak begitu jelas hanya yang nyata dapat dilihat adalah pengaruh Ugama Islam. Kita tidak menafikan juga seperti teks-teks Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Pahang, Undang-Undang Kedah, Perak dan Johor merupakan teks-teks Adat Temenggung tetapi terdapat unsur-unsur percampuran adat, Undang-Undang Hindu dan Hukum Syara^c.¹

Pengaruh Undang-Undang Islam (Hukum Syara^c) kita dapati dengan jelas di mana bidang-bidang perkahwinan dalam Adat Temenggung adalah mengikut sistem kekeluargaan yang bilateral. Andalan ini bertepatan dari pembawaan al-Quran yang mengemukakan sistem bilateral. Kenyataan ini dijelaskan oleh Abdullah Siddik:

".....sistem bilateral sui generis, di mana setiap orang menghubungkan dirinya kepada garis bapa dan garis ibu sekaligus."²

¹ Abdullah Siddik, hal. 161.

² Abdullah Siddik, Hukum Perkahwinan Islam (Jakarta: Tintamas, 1968), hal. 79.

Ajaran Agama Islam nampaknya mementingkan perkahwinan exogami¹ dan menghapuskan perkahwinan endogami,² maka hilanglah masyarakat bersuku dan timbul masyarakat yang bilateral dan parental.³ Al-Quran memperjelaskan hal ini, firman Allah yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh bapakmu, kecuali pada masa yang telah lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan seburuk-buruk jalan yang ditempuh."

"Diharamkan atas kamu mengahwini ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan; saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang lelaki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusukan kamu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkahwinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha pengampun lagi Maha penyayang."⁴

¹ Exogami ialah bentuk perkahwinan di antara lelaki dan perempuan yang bukan dari kalangan keluarga sendiri.

² Endogami pula ialah perkahwinan sesama kabilah atau di dalam rumpun keluarga sendiri.

³ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, h. 159.

⁴ Surah an-Nisa' 4: 22- 23.

Mengenai pengaruh Islam juga kita dapati dalam teks undang-undang Adat Temenggung seperti di bahagian permulaan Undang-Undang Melaka ada menyebutkan:

"Bismi 'Ilāhi 'r-rahmāni 'r-rahīm.
Al-hamdu li'llāhi rabbi 'l-'alamin
wa' l-'ākibatu li'l-muttakīn.
Wa 's-Salātu wa 's-salamu 'alā
rasūlihī Sayyidinā Muhammad
Wa ālihī wa sahbihī ajma'in."¹

Undang-Undang Kedah pula menyebutkan hal ini dalam Tembera'
Datuk Seri Paduka Tuan berbunyi:

"Maka kerja sekalian itu dilarang oleh
Allah (swt) dan RasulNya: maka barang-
siapa ada pekerjaan yang demikian itu
derhaka kepada Allah dan RasulNya,
maka hendaklah segala yang bekerja
ditobatkan, supaya diampuni Allah
ta'ala dōsanya."²

Dalam fasal lain ada menyebutkan:

¹Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka (Bibliotheo Indonesia: Published by the Koninklijk Inst., 1976), hal.62. Lihat juga J.E. Kempe dan R.O. Winstedt, A Malay Legal Digest, JMBRAS, vol. 21, bahagian 1, hal. 24.

²R.O. Winstedt, Kedah Laws, JMBRAS, vol. VI, bahagian 11, March, 1928, hal. 27.

"Hukum Syara^C Allah itu, maka hendaklah
kweng periksa, pada masing-masing kweng-
nya suruhkan sembahyang lima waktu dan
puasa serta sembahyang Jumaat."¹

Mengenai pengaruh Hindu yang terdapat di dalam Adat Temenggung
kita dapati Undang-Undang Melaka ada menyebutkan tentang kesalahan-
kesalahan iaitu:

"Adapun yang pertama pada menyatakan
orang berbunuh-bunuhan atau mem-
bunuh atau menikam atau menetak
orang atau memukul orang atau
merampas atau mencuri harta orang
atau menuduh atau berdustakan
hakim atau berjual titah atau
menyangkal titah raja, itupun
salah, dibunuh hukunya pada
Hukum Kanun."²

Perkara yang tersebut di atas mempunyai ciri-ciri persamaan
dengan Undang-Undang Hindu. Mengikut seperti yang diterangkan
oleh R.O. Winstedt bahawa sepuluh kesalahan besar yang terdapat
di dalam buku Undang-Undang Hindu Tua ialah membunuh, menikam,
menetak orang, memukul, merampas, mencuri, menuduh, berdusta dengan
hakim, berjual titah dan menyangkal titah raja. Semua orang yang

¹Ibid, hal. 27

²Dr. Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, hal. 68.

terlibat dalam hal ini akan dikenakan hukuman bunuh.¹ Di sini menunjukkan bahawa pengaruh Hindu telah pun diterap kedalam Undang-Undang Melaka, secara tidak langsung ia telah mempengaruhi Adat Temenggung.

Walaupun terdapat juga pengaruh Hindu dalam Adat Temenggung tetapi tidaklah begitu ketara sekali jika kita memperbandingkannya dengan pengaruh Islam kerana boleh dikatakan bahawa Adat Temenggung itu lebih banyak selari dengan kehendak Islam. Untuk huraian selanjutnya kita tinjau secara umum mengenai teks-teks seperti Undang-Undang Melaka. Keseluruhan teks-teks di atas menurut M.B. Hooker adalah:

Pertama; Tidak didapati perbezaan yang jelas di antara berbagai cabang undang-undang - Civil, Jenayah dan Perlembagaan.

Kedua; Teks undang-undang tersebut menitik beratkan hal-hal mengenai rencana tentang hukuman pada berbagai jenis jenayah.

Ketiga; Undang-undang hak milik (harta) tidak begitu kemas, jadi satu rencana tentang tercapainya hak-hak pemilik selalunya tidak didapati.

Keempat; Peraturan-peraturan yang berhubung dengan perkahwinan

¹Yusuf Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, Sejarah Melayu Suatu Perbincangan Kristis Dari Pelbagai Bidang (Kuala Lumpur, 1978), hal. 85. Lihat juga R.O. Winstedt, The Malays A Cultural History (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., 1958), hal. 100.

dan perceraian keseluruhannya adalah mengikut Islam.

Kelima; Rencana mengenai pencerobohan terhadap perhambaan dan ternakan adalah biasa sahaja (common).

Keenam; Keseluruhan teks itu mengandungi hukum Islam terhadap kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang awam (public law) dan hukuman itu selalunya diterapkan dengan adat tempatan dan jika mengikut Islam pun tidak sepenuhnya.¹

Adat Temenggung mengikut pengertian antropologi dikatakan adat berbentuk patrikal iaitu susunan lapis masyarakat memandang kuasa dari pihak bapa.²

M.B. Hooker menyatakan Undang-Undang Adat Temenggung mempunyai dua sistem iaitu sistem aristokrasi dan autokrasi. Aristokrasi ialah satu sistem undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak atasan atau pemerintah. Autokrasi pula ialah pemerintah mempunyai kuasa mutlak terhadap perintah atau undang-undang yang dikeluarkan.³

¹ M.B. Hooker, Reading in Malay Adat Law, hal. 51.

² Nik Sufian Hj. Abdul Karim dan lainnya, Kajian Kebudayaan Melayu (Kota Bharu: Pustaka Dian Press, 1963), hal. 158.

³ M.B. Hooker, The Personal Law of Malaysia, hal. 89.

Sebagai kesimpulan di sini bahawa corak pemerintahan Adat Temenggung adalah berlainan dengan Adat Perpatih kerana Adat Temenggung meletakkan kuasa mutlak kepada pemerintah atau ketua yang telah dilantik oleh rakyat, sementara Adat Perpatih pula kuasa atau kata putus terletak kepada muafakat.

Tentang istilah Adat Temenggung ia tidak dipakai di negeri-negeri lain di Semenanjung hanya dikenali dengan Adat Melayu sahaja. Istilah Adat Temenggung ini digunakan untuk membezakan dengan Adat Perpatih yang bersuku dan bercorak unilateral matrilineal.¹ Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan berdasarkan pendapat Mohd. Din bin Ali iaitu:

"Foremost among the Malay customary institutions were the Adat Temenggung and the Adat Perpatih. The two systems differ diametrically in that one is patrilineal and the other matrilineal in character and application. However it has been shown that one is really the off-shoot of the other. Taylor in his "Malay Family Law" states that the Adat Temenggung is a derivative from the basic tribal organisation in Sumatra (the Adat Perpatih)

¹ Matrilineal - Menimbulkan kesatuan kekeluargaan yang besar disusur galurkannya berdasarkan kepada ibu.

Patrilineal - Menimbulkan kesatuan kekeluargaan yang besar disusur galurkannya berdasarkan kepada bapa.

which as a result of the Hindu monarchical influence of Palembang was shorn of its tribal organisation, its exogamous system and its matrilineal law of property."¹

Begitu juga dengan Hooker yang menegaskan bahawa istilah adat ini hanya digunakan bagi membezakan dengan selain dari Adat Perpatih, beliau menyatakan:

"For the remainder of this book the term Adat Temenggung will be used to refer to the non-Perpatih Adat."²

Ringkasnya dapat dikatakan bahawa Adat Temenggung adalah merupakan kumpulan adat yang lebih bercorak undang-undang dengan dipengaruhi sedikit sebanyak oleh unsur Hindu dan Islam. Sebagai kesimpulannya bahawa Adat Temenggung adalah dipakai di negeri-negeri di Semenanjung selain dari Negeri Sembilan dan daerah-daerah Melaka iaitu kawasan Naning dan Alor Gajah.

¹ Haji Mohd. Din bin Ali, hal. 34.

² M.B. Hooker, Adats Law in Modern Malaya (Kuala Lumpur: Oxford University Press, New York, Melbourne, 1972), h. 28.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qurān.
2. Abdullah Siddik, Dr.
Penqantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya, 1975.
3. Abdullah Siddik, Dr.
Hukum Perkahwinan Islam. Jakarta: Tintamas, 1968.
4. Ahmad Abu Sunnah.
Madkhal al-Fiqh al-Islāmi. Cet. ke 2. Jami^Cah al-Azhar:
Dār al-Fikri al-^CArabi, 1965.
5. Al-Jurjani.
Kitāb al-Ta^Crifat. Kaherah, 1382.
6. Annas Haji Ahmad.
Sastera Melayu Lama dan Baru. Kuala Lumpur: Syarikat
Cahaya, 1982.
7. As-Sayuti.
Al-Asybah wa al-Nazāir fi Qawā^Cid wa Furū^C Fiqh al-
Shafi^Ciah. Dār Ihya' al-Kutub al-^CArabiah ^CIsa al-Bābi
al-Halabi wa Syurakāhu, 1938.
8. Az-Zarqā', Mustafa Ahmad.
Al-Madkhal al-Fiqh al-^CAm. J.2. Damsyik, 1968.
9. Bartholomew, G.W.
Malaya Law Review Legal Essays. Faculty of Law,
University of Singapore, 1972.

10. Beattie, J.
Other Cultures. London: Cohen and West, 1964.
11. Buyung Adil, Hj.
Sejarah Melaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1973.
12. David C. Baxbaum.
Family Law and Customary Law In Asia. Martinus Nijhoff,
The Hague, 1968.
13. Gibb, H.A.R., Kramers, J.H., Levi-Provencal, E., Schacht, J.
Encyclopedia of Islam. J.1. Leiden, E.J. Brill. London
Luzac & Co., 1960.
14. Harrison, Brian.
Asia Tenggara. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa,
1966.
15. Hill, A.H.
Hikayat Raja-Raja Pasai. Singapura: The Malay Publishing
House Ltd., Jun, 1960.
16. Hooker, M.B.
Adats Law in Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford
University Press, London, New York, Melbourne, 1972.
17. Hooker, M.B.
Reading in Malay Adat Law. Singapore, 1970.

18. Hooker, M.B.
The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State. AJCL. vol. 16. no. 3.
19. Hooker, M.B.
The Personal Law of Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford University Press, London, New York, Melbourne, 1976.
20. Hall, D.G.E.
History of South-East Asia. London Macmillan, 1966.
21. Hornby, A.S. et. al.
The Advanced Learners Dictionary of Current English. Oxford University Press, 1969.
22. Kassim Ahmad.
Kisah Pelayaran Abdullah. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964.
23. Kempe, J.E. & Winstedt, R.O.
A Malay Legal Digest. JMBRAS. vol. 21. Bahagian 1.
24. Khallaf, Abdul Wahab.
Ilmu Ushul Fiqh. Mesir, 1970
25. Liaw Yock Fang, Dr.
Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. Singapura: Pustaka Nasional, 1975.

26. Liaw Yock Fang, Dr.
Undang-Undang Melaka. Biblioteo Indonesia: Published
by the Koninklijk Inst., 1976.
27. Maruhun Batuah. A.M. Datuk dan Baqindo Tanameh, Datuk H.
Hukum Adat dan Adat Minangkabau. Jakarta: N.V. Poesaka
Aseli, tt.
28. Madkur, Muhammad Salam, Dr.
Al-Ta^Crifat al-Syarī^Cah al-Islāmiah, Madkhal al-Fiqh
al-Islāmiah. Kaherah, 1964.
29. Mohd. Taib Osman.
Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia. Siri Syarahan
Tun Seri Lanang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan, 1974.
30. Nik Suffian Hj. Abdul Karim dan Lainnya.
Kajian Kebudayaan Melayu. Kota Bharu: Pustaka Dian
Press, 1963.
31. Nordin Selat, Dr.
Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan
Melayu, 1976.
32. Osman Ishak.
Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang
Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1979.
33. Raja Mohd. Nordin al-Haj.
Risalah Kebudayaan Melayu. Siri 983. Sinaran Bros, tt.

34. Richard, A.J.N.
Sarawak Land Law and Adat. 1961.
35. Shellabear, W.G.
Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977.
36. Shellabear, W.G. (ed).
Hikayat Hang Tuah. J.2. Cet. Jawi. Singapura: Malaya Publishing House Ltd., 1949.
37. Sidi Ghazalba.
Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1967.
38. Sidin, H.M.
Asal Usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
39. Sillis L. David.
International Encyclopedia of The Social Sciences. Vol. 11
America, The Mac Millan Company and The Free Press, 1968.
40. Sobhi Mahmasani.
Falsafah al-Tasyri^C fi al-Islami. Beirut: Dār al-^CIlmi
Li al-Malāyēn, 1961.
41. Syed Alwi al-Hadi.
Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1980.

42. Tardjan Hadidjaja.

Adat Raja-Raja Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

43. Teuku Iskandar, Dr.

Kamus Dewan. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, 1970.

44. Van Ronkel, Ph.S.

Adat Radja-Radja Melajoe. Voorhen E.J. Brill, Leiden,
1929.

45. Van Ronkel, Ph.S.

Risalah Hukum Kanun. Leiden, 1929.

46. William Skeats.

Malay Magic. London, Macmillan and Co. Ltd., 1960.

47. Winstedt, R.O.

A History of Classical Malay Literature. JMBRAS. Vol. 31.
Bah. 3. 1958.

48. Winstedt, R.O.

A History of Malaya. JMBRAS. Vol. 13. Bah. 1. 1953

49. Winstedt, R.O.

Kedah Laws. JMBRAS. Vol. 6. Bah. 2. March, 1928.

50. Winstedt, R.O.

The Malays A Cultural History. London: Routledge &
Kegan Paul Ltd., 1958.

51. Yusuf Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh.
Sejarah Melayu Satu Perbincangan Kritis Dari Pelbagai
Bidang. Kuala Lumpur, 1978.
52. Perlembagaan Persekutuan (terjemahan) Pindaan hingga 30hb.
Disember, 1978.
53. Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam (Undang-Undang Negeri
Kedah No. 9. Tahun 1962.
54. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah semakan 1973/74.

KERTAS KERJA

55. Ahmad Ibrahim, Prof.
Kearah Islamisasi Undang-Undang Di Malaysia, Masalah
Dan Kemungkinan. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Perun-
dangan Islam. UKM, Bangi pada 8 hingga 10hb. Ogos, 1981.

MAJALAH

56. Abu Hassan Sham.
Undang-Undang Hindu Dalam Teks Undang-Undang Adat
Temenggung. Dewan Bahasa. Jil. 17. Julai. 1973.
57. Mohd. Din bin Ali, Hj.
Malay Family Customary Law. Intisari. Vol. 2. No. 2.
58. Mohamad Nadzir Hasan.
Unsur Hindu Dalam Cerita-Cerita Melayu Klasik. Dian.
Jun. 1977.

59. Ya'akub Isa.

Sejarah Melayu Ditinjau Dari Beberapa Aspek. Dewan Bahasa. Jil. 21. Bil. 10. Oktober. 1977.

60. Yusuf Iskandar.

Sejarah Melayu Dan Adat Istiadat. Dewan Bahasa. Jil. 21. Bil. 10. Oktober. 1977.

TEMURAMAH

61. Dato' Hj. Shuib bin Osman (Dato' Paduka Seri Indera).

DPMK., KMN., BCK., No. 57c, Teluk Wanjah, Alor Setar, Kedah.

62. Dato' Hj. Wan Ibrahim bin Wan Soloh (Dato' Seri Amar Diraja).

DPMK., PSB., BCK., JP., No. 62-A, Teluk Wanjah, Alor Setar, Kedah.

63. Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah.

Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Kedah. Pejabat Sultan, Wisma Negeri, Alor Setar, Kedah.

64. YTM. Tunku Dato' Fariduddin Haji bin Tunku Mansur.

DSDK., SMK., BCK., No. 2928F, Taman Muhibbah, Jalan Sultanah, Alor Setar, Kedah.

NOTA PERATURAN ISTIADAT NEGERI KEDAH

65. Peraturan Istiadat Perkahwinan Kerabat Diraja Kedah.

66. Peraturan Adat Istiadat Pertabalan Sultan Negeri Kedah Darulaman.
67. Peraturan Istiadat Kemangkatan dan Permakaman Diraja Negeri Kedah.